

21 NOV 2000

LID 2000-REALITI

DELAGASI LID 2000 SASAR TINDAKAN BAGI TEMPOH LIMA TAHUN AKAN DATANG

LANGKAWI, 21 Nov (Bernama) -- Delegasi Dialog Antarabangsa Langkawi 2000 (LID 2000) yang kini semakin menghampiri penghujung perbincangan mereka mengenai Perkongsian Bestari berharap dapat merealisasikan falsafah itu menjadi sesuatu yang lebih nyata dan kukuh.

Dengan kata lain, menjadikan wawasan itu satu kenyataan.

LID 2000, yang bermula pada Sabtu lalu, adalah bahagian kedua Global 2000 Dialog Perkongsian Bestari bagi Arah Aliran Global dan Ekonomi Baru Muncul. Bahagian pertama adalah Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID 2000) yang berlangsung di Maputo, Mozambique pada Ogos.

Hari ketiga ini dimulakan dengan sesi perbincangan sarapan pagi mengenai tindakan Perkongsian Bestari yang harus dilakukan tahun depan yang dikendalikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tunggak utama di belakang LID.

Untuk membawa pulang tindakan kolektif yang boleh diusahakan oleh mereka yang yakin akan wawasan berkongsi ini, beliau juga dijangka mengongsikan pandangannya mengenai bagaimana ekonomi-ekonomi baru muncul boleh bekerjasama membentuk negara mereka dan arah tujuan generasi masa hadapan bagi menangani "serangan" kuasa-kuasa besar yang cuba menindas potensi ekonomi mereka.

Terdapat juga sesi sarapan pagi lain mengenai cadangan Pangkalan Data Hubungan Perniagaan, di mana ia adalah lanjutan daripada apa yang telah diperbincangkan oleh peserta pagi semalam. Mesyuarat hari ini tertumpu kepada isu menggunakan Teknologi Maklumat dan Multimedia bagi peluang perniagaan dan pembangunan ekonomi.

Forum dialog hari ini akan menampilkan beberapa tokoh-tokoh terkemuka Malaysia sama ada sebagai penceramah, moderator dan pengendali utama.

Di sesi pagi, Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, Pengendali Dialog Bersama, akan berucap mengenai "Memakmurkan Ekonomi Berpengetahuan Baru" manakala Tan Sri Noordin Sopiee, Ketua Pengarah Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa akan menyentuh mengenai "Inisiatif Dasar bagi Ekonomi Baru".

Datuk Ramli Abbas, Naib Presiden/Pengurus Negara Motorola Malaysia, akan menumpukan kepada "Pengalaman Praktikal Syarikat Brick & Click".

Dalam sesi interaktif, Datuk Shahril Shamsuddin, Presiden Sapura Group, akan berucap mengenai "Membina Kemahiran bagi E-Ekonomi" manakala Datuk Mohamed Salleh Ismail, Presiden/CEO Technology Park Malaysia, akan memperkatakan mengenai perniagaan "Perniagaan-kepada-Perniagaan dan Perniagaan-kepada-Pengguna".

Datuk Lim Haw Kuang, Pengerusi Shell Malaysia, akan berucap mengenai E-Ekonomi, Ekonomi Lama serta ketersediaan minyak dan tenaga.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menjadi moderator bagi sesi khas mengenai "Memampankan Pertumbuhan dan Kemajuan Ke Arah 2020 - Pendekatan Malaysia untuk Menangani Globalisasi."

Di sesi itu Penasihat kepada Menteri Kewangan Diperbadan Datuk Mustapa Mohamed, akan menyampaikan ucapan mengenai "Kesedaran & Pengawasan" manakala Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti (SC) Ali Abdul Kadir memberi ceramah mengenai "Rangka Kerja Peratutan Bagi Pasaran Modal". Seorang lagi penceramah Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan Datuk Samsuddin Hitam akan menyampaikan ucapan mengenai "Belanjawan 2001 - Langkah Pertama Ke Arah Ekonomi Baru".

Pengendali utama di sesi ini adalah Khoo Chuan Keat, Pengarah Eksekutif PricewaterhouseCoopers, Malaysia dan Tan Sri Francis Yeoh dari YTL

Corporation.

Dialog rumusan dan forum interaktif mengenai "Bergerak kepada tindakan dari sini" akan diadakan selepas makan tengah hari. Terdapat pembentangan ucapan mengenai "Menangani Globalisasi" oleh Gabenor Bank Negara Malaysia Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz.

Sebelum delegasi itu memasuki Dialog Rakan Kongsi Bestari dengan media di LID 2000, Dr Mahathir akan menyuarakan pandangannya mengenai "Menjadikan Wawasan Kita Satu Realiti - Lima Tahun Akan Datang". -- BERNAMA

SHY YBY ZK